

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: DI MAJLIS KESYUKURAN DI IBU PEJABAT PERKIM

TEMPAT: IBU PEJABAT PERKIM, KUALA LUMPUR

TARIKH: 22 OCT 1983

MASA:

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra
Al Haj, Yang di-Pertua PERKIM;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama menunaikan sembahyang fardu isya' dengan wakil-wakil PERKIM dari seluruh Semenanjung Malaysia dan wakil-wakil BINA dari Sarawak dan USIA dari Sabah di Majlis Kesyukuran ini.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada pemimpin-pemimpin PERKIM, terutamanya Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, yang telah berusaha untuk membina sebuah bangunan secantik ini sebagai salah satu sumber kewangan bagi kegiatan PERKIM pada masa depan. Bangunan ini adalah satu lambang kejayaan PERKIM, yang juga menjadi contoh dan pengajaran kepada umat Islam bahawa usaha adalah kunci kejayaan.

3. Bilangan umat Islam di dunia kian bertambah. Islam telah menjadi agama kedua besarnya di Eropah. Di Britain, misalnya terdapat 1.5 juta orang Islam, dan di Denmark pula dua orang memeluk agama Islam setiap minggu. Dua puluh lima tahun yang lalu, hanya 25% penduduk Afrika beragama Islam, tetapi pada masa sekarang jumlah orang Islam telah meningkat sehingga pada tahun 1980, 50% penduduk Afrika terdiri dari umat Islam.

4. Ini bererti agama Islam terus menerus berkembang dan jumlah umatnya terus meningkat. Kalau kita mengkaji sejarah, jelaslah jumlah umat Islam terus bertambah terutama sekali disebabkan faktor-faktor akal dan rohani, atau 'intellectual and spiritual qualities'. Thomas Arnold, seorang penjajah Inggeris dan penyebar agama Kristian, dalam bukunya 'The Preaching of Islam,' menyatakan faktor utama yang dapat menarik lebih ramai orang lain memeluk Islam ialah contoh kehidupan orang-orang Islam itu sendiri. Ia memberi contoh Ricoldus de Monte Crucis, seorang pendita Dominican yang melawat Asia Barat pada hujung abad ketigabelas yang memuji-muji orang-orang Islam. Beliau juga menyebut bahawa dalam tulisan-tulisan barat mengenai Perang Salib banyak terdapat puji-pujian ke atas peribadi dan perangai orang-orang Islam. Bahkan pemimpin-pemimpin agama

Kristian memuji Khalifah-Khalifah Othmaniyah. Misalnya Makarios, Ketua Gereja Orthodox pada abad tujuh belas pernah berdoa "Wahai Tuhan, kekalkan Kerajaan Othmaniyah selama-lamanya kerana mereka berlaku adil terhadap semua agama.....". Sejarah telah membuktikan bahawa selama 1,400 tahun umat Islam telah menjamin dan melindungi pengikut-pengikut agama lain di negara-negara Islam.

5. Walaupun pertumbuhan ini membanggakan, kita juga harus sedar bahawa berpuluh-puluh juta umat Islam di negara Soviet akan pupus dalam satu generasi dan apa yang akan tinggal adalah kumpulan ethnik yang berasal dari orang Islam. Keadaan ini harus menjadi pengajaran kepada umat Islam -- betapa ideologi komunis dapat menghapuskan Islam.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Contoh-teladan daripada umat Islam sendiri adalah merupakan dakwah yang paling berkesan. Dalam kehidupan sehari-hari, kalau kita sendiri tidak mengamalkan nilai-nilai Islam, bagaimanakah kita dapat menarik minat orang lain terhadap Islam. Misalnya, ramai orang Asli yang langsung tidak mahu mendengar apa-apa penjelasan mengenai agama Islam. Seminar Dakwah di kalangan orang Asli, yang diadakan pada bulan Mei 1980, telah mengemukakan maklumat bahawa orang-orang Melayu yang tinggal berdekatan dengan orang Asli tidak menunjukkan budi pekerti dan contoh teladan yang baik kepada orang Asli, dengan mencuri buah-buahan dan lain-lain hasil tanaman mereka, serta memandang rendah dan tidak mahu mendampingi atau memberi kerjasama kepada mereka.

7. Satu penyelidikan yang dibuat baru-baru ini ke atas orang-orang Cina yang memeluk agama Islam di Kuala Lumpur menunjukkan 40% daripada mereka memeluk agama Islam oleh kerana pengaruh kawan-kawan Islam mereka. Di Amerika pula 44% memeluk agama Islam melalui pengaruh kawan juga. Ini menunjukkan bahawa dakwah yang paling berkesan ialah penyampaian melalui contoh teladan dan tingkah laku dalam kehidupan sehari-hari. Sifat amanah, jujur, taat, berperikemanusiaan dan sebagainya sudah tentu dapat menjelaskan tentang nilai-nilai Islam.

8. Di samping itu, seperkara yang penting bagi orang-orang yang memeluk agama Islam ialah ajaran akhlak yang lengkap dan cara kehidupan yang mudah diamalkan. Di Amerika, satu penyelidikan telah menunjukkan bahawa 72% lelaki yang memeluk agama Islam berpendapat bahawa Islam tidaklah lebih sulit diamalkan daripada agama mereka sebelumnya. Tentulah tidak benar bahawa peraturan-peraturan Islam menyusahkan mereka yang memeluk agama Islam. Di sini kita pentingkan nilai-nilai rohaniah seperti keimanan, kejujuran, keikhlasan dan kemuliaan yang dituntut oleh Islam. Janganlah Islam ditakrif sebagai rupa bentuk fizikal yang kononnya menggambarkan orang Islam, atau pun menekankan perkara-perkara kecil terlebih dahulu. Islam hanya menuntut amalan yang terdaya dilakukan oleh seseorang itu pada satu-satu ketika.

9. Tersebaranya Islam ke setiap pelusuk dunia merupakan hasil dakwah semua umat Islam. Mereka mempunyai semangat dan azam untuk menyampaikan risalah Islam kepada semua. Setiap orang Islam, wajib membimbing manusia kepada perbuatan yang baik dan menasihati mereka supaya berhenti daripada perbuatan buruk. Inilah sebabnya setiap orang Islam dikehendaki mengamal serta menyampaikan kebenaran dan kebaikan. Tugas ini bukanlah tugas orang yang digaji untuk mengajar agama semata-mata, tetapi menjadi tugas seluruh umat Islam. Sebenarnya pertubuhan-pertubuhan seperti PERKIM merupakan satu perkembangan baru dalam sejarah Islam, kerana sebelum abad dua puluh, tugas menyebarkan Islam hanya dijalankan oleh orang perseorangan.

10. Oleh kerana tidak ada kependetaan, atau 'sainthood', dalam Islam, ianya bererti penyebaran agama Islam merupakan tanggungjawab setiap orang Islam. Orang yang memeluk agama Islam selalunya memeluk Islam kerana mereka mengerti kelebihan dan keagungannya, dan oleh yang demikian mereka sendiri menjadi penyebar Islam. Islam mudah diamalkan kerana apa yang diwajibkan oleh Islam boleh diamal dengan mudahnya. Jika masalah amalan timbul, ini ialah kerana ada pihak yang hendak mewajibkan yang sunat dan mengukur keislaman dengannya. Yang wajib adalah wajib kerana Allah Subhanahu Wataala menentukannya. Yang sunat pun demikian. Adalah salah bagi sesiapa mencuba meminda hukum Allah Subhanahu Wataala dan menilaikan keislaman melalui pindaan ini. Sebenarnya cuma Allah Subhanahu Wataala sahaja yang boleh menilaikan keislaman sesiapa.

11. Apabila Islam berkembang ke benua Afrika, kehidupan orang-orang Afrika yang memeluk agama Islam berubah dan mereka menjadi manusia berpakaian kemas, dan mereka mengingini kampung mereka menjadi bersih, mereka menjaga kehormatan perempuan dan mereka bekerja dan berusaha. Dalam pentadbiran, keputusan-keputusan dibuat mengikut peraturan dan bukan menurut nafsu atau kehendak seseorang. Oleh kerana orang-orang Islam bersih, sembahyang dalam waktu dengan izin Allah, berusaha keras, menjauhkan benda-benda yang tidak baik, bertolak ansur dan menghormati orang lain, jujur dan amanah, maka orang-orang bukan Islam pun tertarik dan memeluk agama Islam. Inilah cara Islam disebarkan di gugusan kepulauan Melayu. Seseorang yang memeluk agama Islam mempunyai perasaan harga diri dan keperibadian yang menguatkan keimanannya dan menarik orang-orang lain memeluk agama Islam.

12. Orang Islam tidak pernah menolak yang baik dari kebudayaan orang-orang lain selagi ianya tidak bercanggah dengan asas-asas Islam. Orang-orang Islam sentiasa menghormati adat istiadat, kebiasaan dan perasaan tempatan. Orang-orang Islam sentiasa menunjukkan sifat ingin menolong orang yang susah dan sehingga hari ini banyak orang daripada kasta-kasta rendah di India memilih agama Islam kerana mereka dilayan dengan baik oleh orang-orang Islam. Islam sentiasa melawan segala bentuk penindasan, eksploitasi dan

kezaliman. Bagi bangsa Roma dan Farsi, Islam membebaskan mereka dari satu sistem pemerintahan yang tidak adil. Sistem ekonomi Islam diasaskan kepada persamaan, keadilan, kesederhanaan, berdikari, pencegahan penindasan dan monopoli, menepati janji, amanah dan pembahagian zakat kepada mereka yang kurang bernasib baik. Ini menarik orang untuk menganuti agama Islam.

13. Sebuah Kerajaan Islam atau sebuah Kerajaan yang berusaha untuk memupuk nilai-nilai Islam dalam pentadbirannya tidak akan menjadikan rakyat bukan Islam sebagai rakyat kelas dua. Ini telah dibuktikan oleh sejarah negara-negara Islam. Semua menikmati hak yang sama dan sama-sama menunaikan kewajipan masing-masing terhadap masyarakat dan negara.

14. Percubaan negara-negara barat yang memisahkan agama daripada lain-lain kegiatan masyarakat telah menyebabkan ciptaan ideologi seperti kapitalisma, sosialisma dan komunisma. Pemisahan ini telah membawa kesan-kesan yang buruk sehingga ramai dari orang Barat sekarang kehilangan haluan. Anak muda di barat sekarang menghadapi 'crisis of identity, feeling of insecurity' dan telah jadi 'alienated' atau terasing dari masyarakat. Maka wujudlah 'Hippism', 'Punks', 'hedonists', 'anarchists' dan lain-lain yang menghapuskan perbezaan antara haiwan dengan insan.

15. Dalam keadaan seperti ini cuma Islam dan nilai-nilai universal yang diakui oleh manusia yang waras yang boleh memberi harapan kepada masyarakat manusia. Sebab inilah maka Kerajaan telah menentukan bahawa nilai-nilai Islam akan diserapkan dalam pentadbiran negara Malaysia yang kita cintai ini.

16. Islam adalah agama dakwah. Dalam Islam dakwah dan toleransi tidak bercanggah. Toleransi Islam membenarkan bukan hanya kewujudan lain-lain agama, kepercayaan dan kebudayaan, tetapi juga sistem undang-undang peribadi yang berbeza. Setiap orang Islam mengharapkan nilai-nilai mulia diamalkan oleh semua orang di dunia ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Akhirnya, sekali lagi saya merakamkan penghargaan kepada yang Teramat Mulia Tunku dan lain-lain pemimpin PERKIM kerana memberi peluang kepada saya berucap di Majlis Kesyukuran ini.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum
Waramatullahi Wabarakatuh.